# INFOLIB

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

BIL 31 JULAI—DISEMBER 2016

**PELBAGAI AKTIVITI, PROGRAM, INFO MENARIK YANG TELAH DIRANCANG & DI SUSUN SEPANJANG TAHUN 2016. SEGALA PERANCANGAN YANG DIBUAT TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN**





## ISI KANDUNGAN


- Kata Aluan Pustakawan
- Info Staf
- Senarai Aktiviti sepanjang tahun
- Statistik
- Galeri Aktiviti
- Info Menarik


ISSN 2180-3943

9 772180 394002

PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PRIMIER SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

# KATA ALUAN PUSTAKAWAN

*Assalamualaikum w.b.t*



Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi dengan izin-Nya masih di beri ruang dan kesempatan untuk terus merakam pengharagaan di atas terbitan Buletin Infolib keluaran Julai—Disember 2016 Bil.31.

Pelbagai aktiviti telah dirancang sepanjang tahun 2016 ini. Pelbagai ragam dan asam garam dilalui bersama dan segala yang dirancang telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama seluruh warga unit perpustakaan bersama para pelajar praktikal demi memastikan Buletin Infolib terus relevan.

Diharapkan penerbitan Buletin Infolib ini akan terus kekal menjadi medium penghubung unit perpustakaan dengan semua pembaca, menyampaikan segala maklumat dan aktiviti yang dijalankan dari semasa ke semasa sejajar dengan objektif kami dalam menyebarkan maklumat kepada umum. Harapan kami agar semua pihak mendapat manfaat dan faedah melalui penerbitan ini.

Akhir kata, selamat menyambut Tahun Baharu 2017 buat semua pembaca Buletin Infolib.

Sekian.

# Info Staf

## Pelajar Latihan Industri UiTM

Bermula Ogos hingga Disember 2016, seramai tiga orang pelajar Latihan Industri dari Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM telah memilih Perpustakaan PSA untuk menjalani latihan industri selama 5 bulan bagi memenuhi keperluan untuk bergraduat mereka. Latihan yang dijalani meliputi semua aspek bidang kepustakawanan.

Nama : Noor Amiera Atieka bt Hassin

Umur : 24 Tahun

Asal : Alor Setar, Kedah

Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Kedah





Nama : Siti Azwani bt Nawin

Umur : 24 tahun

Asal : Gerik, Perak

Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Puncak Perdana



Nama : Salbiah Bt Yahya

Umur : 24 Tahun

Asal : Rompin, Pahang

Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Puncak Perdana

### Meraikan Hari Terakhir para pelajar Latihan Industri UiTM

Unit Perpustakaan telah mengadakakan satu majlis khas jamuan perpisahan untuk para pelajar latihan industri dan sedikit sumbangan telah diberikan sebagai tanda ingatan.

Moga para pelajar ini akan lebih sukses di masa akan dating serta memperoleh kerjaya idaman mereka.



# Senarai Aktiviti Sepanjang Tahun 2016

| TARIKH | AKTIVITI |
|---|---|
| 11/1/2016 | LAPOR DIRI PELAJAR PRAKTIKAL DARI UNISEL, SITI MAIZATUN BT MUSA. |
| 18 /1/2016 | KURSUS PENERBITAN BUKU AKADEMIK |
| 22/1/2016 | LAWATAN DARI" KELAB SAHABAT" POLIMAS |
| 2/2/16 | LAWATAN DARI KOLEJ MATRIKULASI MELAKA |
| 14-16/3/2016 | PROGRAM "JOM LEPAK LIBRARY" |
| 18/3/2016 | JAMUAN PERPISAHAN UNTUK SITI MAIZATUN BT MUSA. |
| 29/3/2016 | LAWATAN PENANDAARASAN PERPUSTAKAAN KE JABATAN PEGUAM NEGARA |
| 21/4/2016 | AUDIT MQA KE PERPUSTAKAAN |
| 23-24/4/2016 | AHLI J/K PERSIAPAN ANJUNG BESTARI SEMPENA ELCAR 2016 |
| 25/4/2016 | PROGRAM JOM BACA 10 MINIT |
| 9/5/2016 | J/KUASA URUSETIA PENDAFTARAN MAJLIS PERPISAHAN KETUA PENGARAH PSA |
| 20-24/6/2016 | KURSUS LITERASI MAKLUMAT PELAJAR BARU SESI JUN 2016 |
| 23/6/2016 | TADARUS PUSPANITA SURAH AR-RAHMAN HINGGA AL-MUJADALAH |
| 28/7/2016 | KURSUS LITERASI MAKLUMAT PELAJAR BARU SESI JUN 2016—BFM |

| TARIKH | AKTIVITI |
|---|---|
| 01/8/2016 | LAPOR DIRI PELAJAR LI DARI UiTM PUNCAK PERDANA DAN UiTM KEDAH |
| 12 & 19 /8/2016 | KURSUS LITERASI MAKLUMAT PELAJAR BARU SESI JUN 2016—FASA 2 |
| 18/8/2016 | PERSIAPAN BOOTH PAMERAN KEMERDEKAAN |
| OGOS 2016 | PAMERAN KEMERDEKAAN |
| 18/8/2016 | PEMBAHARUAN PINJAMAN BERKELOMPOK KOLEKSI BUKU PNM |
| 19-26/8/2016 | KURSUS LITERASI MAKLUMAT UNTUK PELAJAR SEMESTER 5 |
| 25/8/2016 | LAWATAN DARI PERPUSTAKAAN INSTUN |
| 9/9/2016 | PROGRAM CSR UNIT PERPUSTAKAAN BERSAMA PELAJAR JABATAN PERDAGANGAN |
| 15/9/2016 | LAWATAN DARI POLITEKNIK BANTING |
| 28/9/2016 | AUDIT MQA JABATAN KEJURUTERAAN AWAM |
| 4/10/2016 | KURSUS PREZI FOR GREAT PRESENTATION UNTUK PELAJAR SEMESTER 1 |
| 7/10/2016 | GOTONG ROYONG UNIT PERPUSTAKAAN BAGI MAJLIS KONVOKESYEN PSA 2016 |
| 11/10/2016 | HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN |
| 8/11/2016 | AUDIT ASET UNIT PERPUSTAKAAN |
| 21/12/2016 | LAWATAN PENSYARAH PENILAI LI — EN ZAILAN ENDIN |
| 23/12/2016 | KELULUSAN PEMUSNAHAN REKOD AWAM |
| 28/12/2016 | JAMUAN PERPISAHAN PELAJAR LI |

# Statistik Perpustakaan

**10 PEMINJAM TERBANYAK (PELAJAR)**

| BIL | NAMA | NO.MATRIK | JABATAN |
|---|---|---|---|
| 1 | NUR AMANINA | 08DKM14F1068 | JKM |
| 2 | SEE PEI JUN | 08DKA14F1076 | JKA |
| 3 | MUHAMMAD KHAIRI | 08DBK16F1039 | JKA |
| 4 | ADAM ARMANI | 08DEP16F1087 | JKE |
| 5 | FARISZ | 08DPB16F1068 | JKA |
| 6 | SITI AFIQAH | 08BFM15F3024 | JKA |
| 7 | TAY CHUAN JIE | 08DKA14F1068 | JKA |
| 8 | HO CHIA MIN | 08DKA14F1012 | JKA |
| 9 | NUR SYAHIRAH | 08DPM15F2037 | JPG |
| 10 | ANIZA | 08LFM14F3010 | JKM |

**10 PEMINJAM TERBANYAK (STAF)**

| BIL | NAMA | NO.K/P | JABATAN |
|---|---|---|---|
| 1 | LEE YONG YONG | 830724145698 | JPAM |
| 2 | ZANATUL SHIMA | 760411105440 | JPG |
| 3 | TENGKU MOHD AIZAN | 760101035651 | JKE |
| 4 | SAIDATUL ASHIKIN | 810526055140 | JPAM |
| 5 | DARNI | 780906035374 | ULPL |
| 6 | ZARINA | 780513145062 | JKA |
| 7 | NORHAYATI | 670710065574 | JKM |
| 8 | SITI HARLIZA | 770906075166 | JKA |
| 9 | WAN MAJDAH | 811009115330 | JKM |
| 10 | SHAREAHA | 680406086054 | JKA |

## KLASIFIKASI BUKU KERAP DIPINJAM

Buku yang kerap dipinjam oleh pengguna ialah buku-buku Technology (applied sciences) dengan pinjaman sebanyak 862 buah. Manakala yang paling sedikit dipinjam ialah literature and rhetoric. Buku-buku unclassified dan undefined adalah buku-buku pinjaman kelompok dari PNM.

Statistics Report from 1/1/2016 until 31/12/2016

File

| Class No Range | Description | Charged | Renewed |
|---|---|---|---|
| 000-099 | GENERALITIES | 91 | 37 |
| 100-199 | PHILOSOPHY AND PSYCHOLOGY | 30 | 2 |
| 200-299 | RELIGION | 68 | 5 |
| 300-399 | SOCIAL SCIENCES | 272 | 43 |
| 400-499 | LANGUAGE | 36 | 3 |
| 500-599 | NATURAL SCIENCES AND | 85 | 25 |
| 600-699 | TECHNOLOGY (APPLIED SCIENCES) | 772 | 90 |
| 700-799 | ARTS | 36 | 3 |
| 800-899 | LITERATURE AND RHETORIC | 4 | 0 |
| 900-999 | GEOGRAPHY AND HISTORY | 12 | 4 |
| FIC | FICTION | 126 | 9 |
| LLI | LLI | 0 | 0 |
| MS | STANDARD | 0 | 0 |
| Unclassified | Unclassified Class No. | 80 | 1 |
| Undefined | Tag 090 not defined | 3 | 1 |
| **Total** | | **1615** | **223** |

View Unclassified | View Undefined | Close

## LOST & FOUND

Mana-mana staf yang ada meminjam buku berjudul **DIABETIC COOKBOOK** diharap memulangkannya kepada pihak Perpustakaan dengan kadar segera kerana buku tersebut adalah buku Pinjaman Kelompok.

Selain itu ada 2 utas jam di jumpai di Perpustakaan. Sesiapa yang kehilangan jam boleh menuntut dari Pustakawan. Harap maklum.

| PERKHIDMATAN | JULAI | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS |
|---|---|---|---|---|---|---|
| PEMINJAMAN | 207 | 173 | 116 | 101 | 49 | 158 |
| PEMULANGAN | 177 | 190 | 115 | 94 | 39 | 137 |
| INTERNET | 714 | 1000 | 452 | 495 | 155 | 506 |
| MENAIP DAN MENCETAK | 183 | 196 | 123 | 304 | 35 | 142 |
| BILIK TERATAI | 4 | 7 | 5 | 4 | 0 | 3 |
| BILIK PERBINCANGAN | 96 | 229 | 179 | 71 | 5 | 65 |
| BILIK KAREL | 0 | 13 | 15 | 27 | 0 | 4 |







| PENGUNJUNG BULANAN | JUMLAH PENGGUNA |
|---|---|
| JULAI | 19699 |
| OGOS | 24119 |
| SEPT | 16885 |
| OKT | 20946 |
| NOV | 5232 |
| DIS | 13911 |

*** NOVEMBER CUTI SEMESTER**

# Galeri Aktiviti

## KURSUS LITERASI MAKLUMAT UNTUK PELAJAR BARU FASA 1 & 2 SEM JUN 2016





Kursus Literasi Maklumat telah diadakan sebanyak 2 fasa iaitu untuk pelajar pengambilan pertama dan pengambilan kedua. Kursus ini dikendalikan oleh Pelajar LI. Maklumat pelajar yang hadir adalah seperti berikut:

**LAPORAN AKTIVITI PROMOSI DAN LATIHAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DIGITAL 2.0**

| Bil. | Tarikh | Aktiviti | Bil. Peserta | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 20/6/2016 | Kursus Literasi Maklumat Pelajar Baru Sem Jun 2016 | 46 orang | TBK |
| 2 | 20/6/2016 | | 37 orang | DKA1A & DKA1B |
| 3 | 20/6/2016 | | 24 orang | DKA1C |
| 4 | 21/6/2016 | | 43 orang | DPB1A & DPB1C |
| 5 | 21/6/2016 | | 38 orang | DPB1B |
| 6 | 21/6/2016 | | 59 orang | DEP1A & DEP1B |
| 7 | 21/6/2016 | | 30 orang | DJK1A |
| 8 | 21/6/2016 | | 44 orang | DEP1C & DJK1B |
| 9 | 23/6/2016 | | 42 orang | DKM1A |
| 10 | 23/6/2016 | | 34 orang | DKM1B |
| 11 | 23/6/2016 | | 23 orang | DKM1C |
| 12 | 23/6/2016 | | 63 | DEU & Sijil |
| 13 | 24/6/2016 | | 46 | DMP |
| 14 | 24/6/2016 | | 54 | DPM & DIN |

| Bil. | Tarikh | Aktiviti | Bil. Peserta | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 28 Julai 2016 | Kursus Literasi Maklumat Pelajar Baru Sem Jun 2016 Fasa 2 | 18 | BFM |
| 2 | 12 Ogos 2016 | | 25 | DKA |
| 3 | 12 Ogos 2016 | | 34 | DEU/DEP |
| 4 | 12 Ogos 2016 | | 30 | DPB |
| 5 | 12 Ogos 2016 | | 26 | DPM |
| 6 | 19 Ogos 2016 | | 14 | DPR/DPM |
| 7 | 19 Ogos 2016 | | 17 | DKM |

# JAMUAN RAYA PERINGKAT JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK





*Unit Perpustakaan turut terlibat menjayakan Jamuan Hari Raya JPP. Perpustakaan ditugaskan menghidangkan aneka kuih muih dan manisan untuk para tetamu..*

# AKTIVITI PELAJAR LI UITM

Pelajar LI didedahkan dengan semua skop tugasan kepustakawanan seperti perolehan, pengkatalogan, proses awal dan akhir buku, aktiviti galakan membaca, bahan terbitan bersiri, maklum balas pelanggan, sirkulasi, pentadbiran dan kaunter. Sepanjang 5 bulan menjalani LI mereka juga ada membuat projek untuk menggalakkan pelajar mengunjungi perpustakaan seperti aktiviti Hari Terbuka Perpustakaan, Pameran Bulan Kemerdekaan, menghias Ruang Kanak-kanak, mengadakan Bengkel Prezi For Great Presentation dan Kursus Literasi Maklumat untuk Pelajar Baru dan Pelajar Semester 5.Gambar menunjukkan pelajar LI sedang membuat proses penerimaan buku baru.






# PERSIAPAN DAN PAMERAN KEMERDEKAAN

Pameran Bulan Kemerdekaan telah diadakan sepanjang bulan Ogos lepas. Idea ini adalah gabungan dari pelajar praktikal serta tunjuk ajar dari staf perpustakaan. Buku-buku berkaitan kemerdekaan diletakkan di rak pameran untuk kemudahan pengunjung. Booth untuk swafoto juga turut yang disediakan.













## LAWATAN DARI INSTUN & EKSA



KIRI— Ogos, Lawatan dari Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) oleh En Mazelan Mustapa (Pustakawan) dan Cik Rosmini bt. Ismail, Penolong Pustakawan bagi mencari idea menarik pengunjung ke Perpustakaan. Selain itu pihak Instun dan PSA juga bertukar bahan pameran untuk dipamerkan di perpustakaan masing-masing.

Bawah—Projek Sisih, Susun, Atur dan Seragamkan ini telah dibuat selama sebulan iaitu sepanjang bulan Oktober. Sepanjang bulan tersebut semua bahan yang tidak digunakan telah disisih. Sistem fail juga telah dikemaskini. Almari dokumen juga telah dikemaskini semula sesuai dengan zon perpustakaan iaitu Zon Peridot. Projek ini diketuai ole Pn Nor Parasila Ahmad Kamali selaku Pengurus EKSA Perpustakaan.

## PROSES SISIH "PROJEK EKSA"









# PROGRAM CSR OLEH PELAJAR JABATAN PERDAGANGAN

corporate social responsibility












## BENGKEL PREZI FOR GREAT PRESENTATION

Anjuran pelajar LI UiTM telah di adakan di Bilik Multimedia pada 3 &4 Oktober lalu . Seramai 65 orang pelajar dari pelbagai Jabatan PSA telah menghadiri bengkel tersebut. Tujuan bengkel ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar Semester 1 tentang persembahan pembentangan yang lebih menarik berbanding menggunakan PowerPoint.











OPEN DAY

# RAGAM, SUKA RIA, PERSIAPAN HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN PSA















Aktiviti yang dijalankan ialah Pameran Al-Quran dari Yayasan Restu, pengurangan denda buku sehingga 50%, gerai jualan oleh staf/pelajar, book truck dari Karangkraf dan permainan iaitu Teka Silangkata, Infohunt dan Kuiz.

















## AUDIT MQA—SRR





## LAWATAN DARI POLITEKNIK BANTING



Unit perpustakaan PSA sering menerima lawatan dari perpustakaan lain untuk bertukar pandangan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan di jabatan masing –masing.

Kempen Aurat Saya Maruah Saya oleh pelajar DBK5.





# KURSUS LITERASI MAKLUMAT UNTUK PELAJAR SEMESTER 5 SESI NOVEMBER 2016



Kursus Literasi Maklumat untuk pelajar Semester 5 dijalankan untuk memudahkan pelajar mencari maklumat dalam menyiapkan projek tahun akhir mereka. Pelajar didedahkan penggunaan pangkalan data PNM dan lain-lain sumber yang berkaitan.





## AUDIT ASET



Audit aset Unit Perpustakaan telah berlangsung pada 10/11/2016

## PENERIMAAN ASET BARU BILIK TERATAI, PERPUSTAKAAN





Unit perpustakaan telah menerima peruntukan bagi menukar meja dan kerusi di Bilik Teratai bagi memberi keselesaan kepada pengguna. Bilik ini sering dijadikan tempat latihan untuk staf dan pihak luar.

# UBAH SUAI KECERIAAN SUDUT KANAK-KANAK

Sudut kanak kanak telah diubah suai bagi menambahkan lagi keceriaan di ruang tersebut. Projek keceriaan ini dikendalikan oleh para pelajar LI.




SEBELUM
&
SELEPAS SUSUN ATUR



# SESI PENYAMPAIAN HADIAH BAGI PROGRAM HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN



Pelajar UiTM Shah Alam dari Fakulti Pengurusan Maklumat telah menjalankan lawatan ke Perpustakaan PSA bagi mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan rekod dan pelan lantai Perpustakaan sebagai sebahagian keperluan kursus mereka.





Entri terbaru yang dimasukkan ke dalam Infolib ini adalah berkisar pengalaman peribadi kembara oleh staf iaitu Pn. Norlina Bt Ahmad. Moga perkongsian ini dapat memberi info yang menarik buat peminat kembara menikmati keindahan alam semulajadi. Jauh perjalanan luas pengalaman yang diperolehi.



# BALI

# PULAU UNIK & EKSOTIK...

Saya memulakan pengembaraan ini dari KLIA dengan menaiki penerbangan tambang murah Air Asia pada pukul 3.35 petang waktu pelepasan dari Malaysia. Perjalanan dari KLIA ke BALI mengambil masa lebih kurang 2jam 30 minit. Pesawat saya selamat mendarat di lapangan terbang GUSTI NGURAH RAI di BALI pada jam 5.45 petang. Setelah selesai urusan imigresen dan dokumentasi kami dijemput oleh SUPIR ( gelaran pemandu upahan) yang telah ditempah awal bagi memudahkan perjalanan saya kesana.

## *PENGINAPAN DI HOTEL KUTA, BALI*

Hotel ini terletak berhampiran Lapangan Terbang Ngurah RAI. Kuta merupakan pusat pelancongan di mana ramai para pelancong memilih daerah ini untuk menginap. Kuta yang agak sibuk, moden dan maju dibandingkan dengan daerah lain yang ada di BALI. Apa yang menarik dan unik setibanya anda sampai di BALI adalah rumah ibadah yang di tempatkan di setiap kediaman rumah, kedai, pusat-pusat rekreasi, hiburan dan lain-lain mempunyai ukiran BALI yang sangat unik dan cantik. Kuil kecil tersebut diperbuat daripada batu gunung berapi berwarna kelabu kehitaman dan diletakkan di pintu masuk kediaman setiap penghuni.

Diketahui umum, majoriti penduduk di Bali adalah Hindu Indonesia.Sangat berbeza dan tidak sama sekali dengan kaum Hindu di Malaysia. Rupa dan paras sama seperti orang Indonesia. Untuk membezakan sama ada mereka Hindu ataupun Muslim Indonesia adalah setiap kaum Hindu akan memakai gelang tali berwarna hitam samada lelaki dan wanita.

catatan kembara percutian

oleh Norlina



Setiap wanita Hindu juga akan memakai beras yang dilekatkan di dahi dan bunga kemboja seakan barang kewajipan yang mesti dipakai oleh kaum wanita yang diselitkan ditelinga. Memang sangat berbudaya penampilan masyarakat Bali ini.

*Hari pertama memenatkan...*

Walaupun penerbangan yang diambil dari KLIA ke Bali hanyalah kurang 3 jam, kepenatan tetap dirasai..Maklumlah umur dan meningkat baru nak travel inilah jadinya...Kalau yang masih muda dan mempunyai duit lebih tu ambillah kesempatan dan peluang untuk berjalan-jalan ke negara orang..Pepatah juga berkata " Jauh perjalana luas pengalaman". Banyak perkara yang boleh kita dapati daripada mengembara selain dapat melihat tempat-tempat yang cantik kita juga dapat mengenali budaya, adat dan kehidupan orang lain.




Jangan terkejut setibanya anda tiba di BALI kerana hampir keseluruhan tempat dan kediaman di sana menghidangkan makanan "Khinzir" yang merupakan menu harian orang di sana..(Sila berhati-hati ye) dan kalau terpandang kepala "khinzir" di setiap kedai makan di sana adalah satu bonus terapi buat anda....(ketawa terbahak2 penulis).

Agak sukar juga untuk mencari kedai halal disana. Maklumlah majoriti penduduk adalah beragama Hindu da tentulah kedai yang halal sukar untuk dicari. Muslim Indonesia adalah minoriti penduduk di BALI. Selesai makan malam di hari pertama saya di Bali, saya hanya mengambil kesempatan bersiar-siar di sekitar hotel sambil menikmati keghairahan malam di tengah pusat bandar Kuta yang dipenuhi dengan pelancong dan aktiviti hiburan hampir di setiap tempat. Hanya pesta dan hiburan yang didapati dimalam hari apabila berada di Kuta,Bali.

*** Nantikan sambungan perjalanan saya pada hari ke2 dan seterusnya dengan melawati tempat yang menarik dan destinasi yang wajib dikunjungi setibanya anda berada di BALI...

TIPS

# KELAS EKONOMI TAPI SELESA

## TIP MELANCONG

**Susunan Suliati Asri**
suliati@hmetro.com.my

**Duduk** di kerusi terbaik di dalam pesawat terutama ketika penerbangan yang mengambil masa panjang sentiasa menjadi impian semua penumpang.

Tempat duduk kelas pertama dan kelas perniagaan memang selesa, tetapi tidak semua mampu mengeluarkan belanja tinggi untuk menggunakan khidmat itu.

Apa yang diingini ialah menggunakan ruang ekonomi tetapi tempat duduknya terbaik. Tetapi di manakah letaknya kerusi itu?

Jom semak tip mencari tempat duduk terbaik dalam pesawat buat anda yang sedang mencari tiket penerbangan untuk bercuti.




### A Lebih 'selamat'

Penumpang yang duduk di bahagian ekor pesawat memiliki 40 peratus peluang hidup jika berlaku kemalangan berbanding di barisan hadapan.

Ini kerana berada di belakang pesawat akan membolehkan anda keluar dari pesawat lebih cepat, begitu juga ketika keadaan darurat.



### B Lebih sunyi

Bunyi enjin pesawat kerap mengganggu tidur di dalam pesawat. Untuk menghindarinya, pilihlah tempat duduk di bahagian depan kabin pesawat.



### C Jika mahu tidur

Tempat duduk terbaik untuk tidur ialah di sebelah tingkap di sisi kiri pesawat dan kedudukannya di bahagian tengah. Ini kerana anda tak akan terganggu dengan suara dari bilik air atau dapur pesawat.






### D Ruang lebih luas

Jika mahu ruang antara kerusi lebih luas, kerusi sebaris dengan pintu kecemasan pilihan terbaik. Anda boleh duduk dengan ruang kaki lebih selesa.

Namun, jika terbang bersama anak-anak, anda tidak dibenarkan memilih di kerusi dekat pintu kecemasan.



### E Jika mahu keluar lebih cepat

Dalam keadaan kecemasan, penumpang akan diarahkan ke pintu kecemasan di bahagian kiri badan pesawat. Jadi, untuk keluar lebih cepat dari pesawat, pilih duduk di bahagian kiri.



### F Jika membawa anak kecil

Terbang bersama anak kecil memerlukan ruang duduk lebih luas. Jadi, anda boleh memilih untuk duduk berdekatan pembahagi pesawat seperti antara kelas perniagaan dan ekonomi. Biasanya kerusi di tempat ini memiliki ruang yang membolehkan anak anda bermain di lantai pesawat.

# OPERASI PERKHIDMATAN SEMASA SEMESTER

ISNIN - JUMAAT

8.30 PAGI - 6.00 PETANG

CUTI SEMESTER :

WAKTU PEJABAT SAHAJA

ISNIN-KHAMIS :

8.30 PAGI - 1.00 TENGAHARI

2.00 PETANG - 5.00 PETANG

JUMAAT:

8.30 PAGI—12.00TENGAHARI

2.30 PETANG - 5.00PETANG

PENGARAH

KOL. BERSEKUTU (PA) HJ TAJUDDIN BIN ABDUL RASHID K.M.N.

PENASIHAT PERPUSTAKAAN

EN.MOHD ZIN BIN HASAN

TIMB.PENGARAH (TPSA)

PUSTAKAWAN (S44)

PUAN SITI FATIMAH BINTI WAHAB

PUSTAKAWAN (S41)

PUAN NORHAYATI BINTI MAJID

PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN (S27)

(KOSONG)

PEMBANTU PERPUSTAKAAN (S17)

PUAN NOR PARASILA BINTI AHMAD KAMALI

PUAN NORLINA BINTI AHMAD

PUAN NURZULIANA BINTI DELLNOOR

PUAN AZLEENA BINTI BASIRON

PEMBANTU PERPUSTAKAAN (KOSONG)

**PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PREMIER SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

Persiaran Usahawan,
Seksyen U1,
40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Tel:
03-51634000

Talian Terus:
03-51634079 (Pn Siti Fatimah)/80 (Pn. Norhayati)/81 (Pejabat)
No Faks:
03-5569 1903

Portal ILMU :

http://polpsalib:8080

Email: pustaka@psa.edu.my

## SUMBANGAN BAHAN BACAAN

Pihak perpustakaan mengalu-alukan kepada mana-mana staf yang ingin menyumbangkan koleksi bahan kepada pihak perpustakaan. Sumbangan boleh ditujukan terus kepada Pustakawan, Pn Siti Fatimah Wahab. Sumbangan ini akan dikategorikan sebagai hadiah kepada Perpustakaan PSA.